

Wasiat kepada Anak Tidak Sah Taraf: Analisis Terhadap Enakmen Wasiat Orang Islam bagi Negeri-negeri di Malaysia

Wills to Illegitimate Children: An Analysis of the Islamic Will Enactments Across the States of Malaysia

Mohd Faizal Abdul Khir (Pengarang Penghubung)

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,
Bukit Chandan, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Tel: +6019-5790750 E-mel: drfaizal@usas.edu.my

Mohamed Fairooz Abdul khir

Centre of Excellence in Islamic Social Finance, INCEIF University, Jalan Tun Ismail, 50480
Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +6019-5790670 E-mel: fairooz@inceif.edu.my

Asiah Yamin

Unit Undang-Undang, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, Tingkat 4, Kompleks Islam
Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak, Malaysia.

Tel: +6014-3648457 E-mel: asiah@maipk.gov.my

Abstrak

Malaysia ketika ini mempunyai tujuh enakmen berkaitan wasiat yang diwartakan oleh tujuh buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Pahang, Sabah dan Perak. Kedapatan klausu dalam enam enakmen yang menghalang pemberian wasiat kepada anak tidak sah taraf (ATST) dan satu enakmen yang membenarkannya. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk membandingkan isu pemberian wasiat kepada ATST dalam tujuh enakmen di Malaysia. Ia juga bertujuan untuk melakukan penelitian terhadap hukum pemberian wasiat kepada ATST berasaskan sumber hukum dalam agama Islam dan juga pandangan para sarjana yang menyentuh isu ini. Ia dimulai dengan perbincangan berkaitan dengan pengertian ATST, diikuti dengan perbandingan antara tujuh enakmen negeri berkaitan isu ini. Berikutnya dirumuskan isu syariah berkaitan perkara ini dengan perbincangan dari sudut pendalilan dan

pembentangan pandangan *fuqaha*. Pandangan yang dipilih dirumuskan dan disimpulkan di akhir perbincangan. Kajian ini mengadaptasi metode kepustakaan sepenuhnya bagi pengumpulan data dan dianalisis menggunakan metode deskriptif, metode deduktif dan metode perbandingan. Kajian ini merumuskan bahawa ketetapan yang mengharuskan pemberian wasiat kepada ATST adalah paling tepat. Ia selaras dengan perbahasan fiqah tradisi dalam pelbagai mazhab yang tidak menjadikan halangan secara khusus kepada ATST untuk menerima wasiat. Namun begitu, ATST tertakluk kepada syarat-syarat lain yang sama sebagaimana penerima-penerima wasiat yang lain.

Kata kunci: Anak luar nikah; Pewarisan; Enakmen wasiat; Hukum syarak; Undang-undang

Abstract

Currently, Malaysia has seven enactments related to wills that have been gazetted by seven states, namely Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Pahang, Sabah, and Perak. There are clauses in six of these enactments that prohibit will to illegitimate children (ATST), while one enactment allows it. Therefore, the objective of this study is to compare the practice of issuing will to ATST across seven enactments in Malaysia. It also seeks to examine the inheritance rights of ATST based on legal sources in Islamic law, as well as the perspectives of scholars on this issue. The discussion begins with the definition of illegitimate child, followed by a comparison of the seven state enactments on this issue. Next, the related Shariah issues are summarized with a discussion from the perspective of legal reasoning and the presentation of the views of Islamic jurists (fuqaha). The selected view is summarized and concluded at the end of the discussion. This study primarily employs the library research method for data collection and analyzes the data using descriptive, deductive, and comparative approaches. The study concludes that the provision allowing bequest to ATST is the most accurate. This is in line with traditional jurisprudence debates in various schools of thought that do not specifically prohibit ATST from receiving wills. However, ATST are subject to the same other conditions as other will recipients.

Keywords: Illegitimate children; Inheritance, Will enactments; Syariah ruling; Law

Pengenalan

Pada masa kini, terdapat tujuh buah negeri di Malaysia yang mempunyai enakmen berkaitan wasiat iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Selangor, Pahang, Sabah dan Perak. Negeri lain tidak mempunyai

sebarang enakmen berkenaan wasiat menurut syariat Islam yang boleh dirujuk khususnya apabila berlaku pertikaian. Justeru itu, bagi negeri-negeri tanpa undang-undang wasiat, apa-apa pertikaian di peringkat Mahkamah Syariah berkenaan wasiat, undang-undang yang akan dirujuk hanyalah hukum Syarak secara umum. Mahkamah Syariah diperakui mempunyai bidang kuasa dalam memutuskan isu-isu berkaitan wasiat dan hibah (Abdullah, H. K. M., et al., 2020).

Antara isu yang disentuh dalam enakmen wasiat ialah pemberian wasiat kepada anak tidak sah taraf (ATST). Kedapatan klausa dalam sebahagian enakmen yang menghalang pemberian wasiat kepada ATST. Ia memberikan implikasi kepada golongan ini dari sudut penerimaan harta wasiat daripada mana-mana pewasiat terutamanya bapa biologi mereka. Manakala sebaliknya kedapatan enakmen dalam negeri tertentu yang membenarkannya. Abdullah, M. M. I. (2021) meringkaskan tiga implikasi yang dihadapi oleh ATST iaitu implikasi penamaan, implikasi perwarisan pusaka dan implikasi kemasyarakatan. Embi, M. S. C., & Ismail, N. S. A. (2017) menyatakan implikasi yang lebih meluas iaitu nasab, perwalian, nafkah, penjagaan dan harta pusaka.

Statistik bagi ATST di Malaysia dilaporkan dengan angka yang besar. Sebahagian pengkaji menyatakan ATST yang beragama Islam adalah seramai 172,811 orang pada tahun 2010 sehingga 2018 (Ab Rahman et al., 2023). Valaitham, S., et al., (2024) menyatakan rekod statistik pendaftaran kelahiran anak tidak sah taraf di Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan jumlah yang tinggi iaitu sebanyak 25,567 sejak tahun 2019. Zainuddin (2023) menyatakan bahawa kadar ATST ini mencapai sebelas peratus iaitu satu daripada sepuluh remaja melakukan hubungan seks bebas atau tanpa ikatan

perkahwinan. Kenyataan rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat (2022) memperlihatkan rekod 28 kehamilan bawah umur setiap hari yang mana 35% daripadanya adalah kehamilan luar nikah. Sehubungan dengan itu, klausa dalam enakmen yang menghalang penerimaan wasiat bagi anak tidak sah taraf memberikan implikasi yang besar dalam masyarakat melihat kepada jumlah ATST yang besar.

Oleh kerana itu, klausa dalam enakmen yang membincangkan tentang perkara ini perlu dinilai sebaiknya. Ia wajar dibincangkan dengan mendalam melihat kepada sumber agama Islam dan juga pandangan para sarjana yang menyentuh isu ini. Sememangnya perkara ini telah dibahaskan dengan tuntas oleh para ulama dari masa ke semasa khususnya dalam karya-karya fiqah rentas mazhab. Perbahasan juga perlu melihat kepada akta dan enakmen berkaitan agar ia selaras dalam perundangan Malaysia.

Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk membandingkan isu pemberian wasiat kepada ATST dalam tujuh enakmen di Malaysia. Ia juga bertujuan untuk melakukan penelitian terhadap pemberian wasiat kepada ATST berdasarkan sumber hukum dalam agama Islam dan juga pandangan para sarjana yang menyentuh isu ini.

Pengertian Anak Tidak Sah Taraf

Anak tidak sah taraf juga dikenali sebagai anak zina dan anak luar nikah (Ismail, P., 2017). Di Malaysia, bagi mereka yang beragama Islam, peruntukan berkaitan kesahtarafan anak terletak dibawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri sebagaimana termaktub dalam Senarai 2 (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, Kuasa negeri-negeri berhubung dengan Hukum Syarak.

Seksyen 2, 81, 86, 111 dan 112 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri memperuntukkan beberapa peruntukan mengenai kedudukan ATST (Hasan et al., 2020).

Secara asasnya ia berdasarkan kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 yang menetapkan anak tak sah taraf ialah (1) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan. (2) Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 *lahzah* (saat) mengikut takwim qamariah daripada tarikh *tamkin* (setubuh). (3) Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada seseapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu, lelaki tersebut tidak boleh pusaka memusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali (Wan Ismail et al., 2020).

Noor, Z. (2018) merumuskan bahawa para ulama sepakat meletakkan tempoh enam bulan sebagai tempoh minimum suatu kandungan. Bagi tempoh maksimum mengandung, mazhab Hanafi berpendapat tempoh maksimum kandungan adalah dua tahun dari saat persetubuhan dan kelahiran anak, manakala, mazhab Shafi'i, Hanbali dan sebahagian besar ulama mazhab Maliki pula berpendapat tempoh maksimum kandungan adalah sehingga empat tahun.

Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 menyatakan dalam Seksyen 2. Tafsiran: "tak sah taraf" berhubung dengan seseorang anak, ertiannya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak daripada persetubuhan syubhah. Dalam Seksyen 81 Kewajipan Menanggung Nafkah Anak-anak tak Sah Taraf (1), enakmen yang

sama menyatakan: “Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah anaknya yang tak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, selain seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah.”

Dapat dirumuskan bahawa dalam perundangan Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004, ATST dapat diklasifikasikan kepada sekurang-kurangnya dua kategori iaitu (1) lahir dari perbuatan zina (2) lahir dari tindakan rogol. Ab Rahman et al. (2023) memperluaskan cakupan anak tak sah taraf meliputi sesuatu yang “berlaku atas sebab jenayah rogol, anak yang ditemui dan dipungut, kehilangan dokumen perkahwinan, perkahwinan tidak berdaftar, anak *li'an*, iaitu dinafikan nasab oleh bapanya atau dilahirkan kurang dari enam bulan selepas tempoh perkahwinan ibu dan bapanya.

Dari sudut perbandingan, Wan Ismail et al. (2020) merumuskan bahawa tidak wujud sebarang salah faham berkaitan definisi ATST sama ada oleh para ulama terdahulu, fatwa, akta atau enakmen mahupun Jabatan Pendaftaran Negara. Dalam perbincangan ini, pengertian yang dikemukakan dalam Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 adalah dijadikan asas perbincangan.

Latar Belakang Isu Syariah

Enam enakmen wasiat negeri-negeri iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Selangor, Pahang dan Sabah mempunyai peruntukan yang sama iaitu wasiat boleh dibuat kepada anak dalam kandungan orang lain sekiranya anak dalam kandungan itu

ialah anak yang sah menurut hukum Syarak daripada keturunan orang itu. Peruntukan ini meletakkan syarat bahawa wasiat kepada anak dalam kandungan orang lain mestilah dipastikan anak tersebut adalah anak yang sah. Peruntukan ini secara jelas menunjukkan bahawa wasiat kepada anak yang tak sah taraf dalam kandungan adalah tidak sah.

Manakala Enakmen Wasiat Orang Islam (Perak) 2023 mempunyai perbezaan iaitu dengan hanya meletakkan ketetapan wujudnya kandungan ketika wasiat dibuat. Dengan jelas ia membenarkan pemberian dan penerimaan wasiat bagi ATST.

Secara perbandingan dapat dirumuskan bahawa kedapatan enakmen berkaitan wasiat di Malaysia yang membenarkan wasiat bagi ATST dan kedapatan enakmen yang menghalang. Ketetapan dalam enam enakmen negeri iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Selangor, Pahang dan Sabah dilihat menghalang pemberian dan penerimaan wasiat bagi ATST. Justeru itu, perkara ini dilihat bercanggah dengan hikmah pensyariatan wasiat sebagaimana dinyatakan oleh Nabi SAW:

Sesungguhnya Allah Taala membenarkan bagi kamu semua sepertiga dari harta kamu semua pada penghujung usia bagi menambah kebaikan kamu semua.
(*Ibn Majah*, j. 4, h. 14, *al-Dar Qutni*, j. 5, h. 263)

Sehubungan dengan itu, penelitian perlu dilakukan bagi melihat perbincangan isu ini dalam tradisi dan khazanah Islam. Ia bukan merupakan isu baharu tetapi memerlukan analisis yang mendalam dalam konteks semasa. Selanjutnya, kajian ini akan meneliti tentang isu ini dengan lebih mendalam. Ia akan memberi fokus kepada isu yang

berbangkit iaitu sama ada ATST boleh menerima wasiat atau pun tidak.

Metodologi

Penulisan ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Bagi tujuan pengumpulan data, kajian ini mengaplikasikan dengan semaksimanya metode kepustakaan. Ia merupakan teknik mendapatkan data dan bukti melalui kajian terhadap dokumen dan rekod (Abu Bakar, 1987). Surachmad (1970) menegaskan bahawa perpustakaan diakui umum sebagai sumber utama bagi setiap penyelidik.

Metode dokumentasi turut diaplikasikan dalam proses pengumpulan data. Sebahagian pengkaji menyamakan metode ini dengan metode sejarah atau historis disebabkan persamaan sumber kedua-duanya iaitu berdasarkan dokumen-dokumen (Surachmad, 1970). Namun begitu, metode ini mempunyai pengertian yang tersendiri yang berlainan daripada metode sejarah iaitu satu kaedah pengumpulan data dilakukan terhadap bahan-bahan penulisan yang mengandungi maklumat-maklumat tentang fenomena yang hendak dikaji (D. Bailey, 1994).

Bagi tujuan analisis data beberapa metode diaplikasi. Antaranya metode induktif yang merupakan satu cara penganalisaan data dengan membuat kesimpulan daripada perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada satu kesimpulan yang bersifat

umum. Babbie (1988) menerangkan bahawa “pemikiran induktif bergerak daripada yang tertentu kepada yang umum, daripada satu set pengamatan yang khusus kepada penerokaan tentang suatu bentuk yang mewakili sebahagian tahap atau kedudukan sesuatu cara.”

Selain itu, metode deduktif turut digunakan. Ia merupakan cara berfikir yang mencari rumusan dengan berdasarkan kepada dalil-dalil yang bersifat umum untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat khusus. Babbie (1988) menerangkan tentang metode ini sebagai “bergerak daripada umum kepada khusus. Ianya bergerak daripada bentuk yang mungkin berlaku dari segi logik dan teori kepada pengamatan yang menguji sama ada bentuk yang dijangka itu benar-benar terjadi.”

Metode analisis yang paling utama digunakan ialah metode komparatif iaitu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan antara dua atau lebih data atau fakta yang diperolehi dengan adil semasa penelitian. Kajian ini akan menggunakan metode perbandingan bagi menilai fakta dan maklumat yang ada dalam tujuh enakmen yang berkaitan.

Wasiat kepada Anak Tidak Sah Taraf dalam Enakmen Wasiat Negeri-negeri di Malaysia

Tujuh buah negeri mempunyai enakmen berkaitan wasiat. Ianya diperincikan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Peruntukan Undang-undang Negeri-negeri Berhubung Pemberian Wasiat kepada Anak dalam Kandungan yang Tak Sah Taraf

| Negeri | Peruntukan berkaitan anak tak sah taraf |
|-----------------|---|
| Selangor (1999) | Wasiat kepada anak dalam kandungan |

| | |
|------------------------|---|
| | <p>24. (1) Sesuatu wasiat kepada anak dalam kandungan hendaklah sah dalam keadaan-keadaan yang berikut-</p> <p>(a) jika seseorang pewasiat membuat iqrar wujudnya anak dalam kandungan semasa dia membuat wasiat itu, maka anak dalam kandungan itu mestilah dilahirkan dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak; dan</p> <p>(b) jika seseorang pewasiat tidak membuat apa-apa iqrar wujudnya anak dalam kandungan dan anak itu dilahirkan hidup dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak dari masa dia membuat wasiat itu dan jika seseorang perempuan yang mengandungkan anak tersebut sedang dalam <i>iddah talak rajie</i> atau dalam <i>iddah mati</i> atau <i>iddah bain</i>, maka anak dalam kandungan itu mestilah dilahirkan dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak.</p> <p>(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), wasiat boleh dibuat kepada anak kandungan orang lain sekiranya anak dalam kandungan itu adalah anak yang sah menurut Hukum Syarak dari keturunan orang tertentu itu.</p> <p>(3) Harta anak yang belum dilahirkan itu hendaklah disimpan oleh wali harta atau wasinya, mengikut mana yang berkenaan, sehingga dilahirkan dan selepas itu harta tersebut hendaklah diserahkan kepadanya apabila dia berkelayakan untuk menerimanya.</p> |
| Negeri Sembilan (2004) | <p>Bekues kepada anak dalam kandungan tertentu</p> <p>24. (1) Sesuatu wasiat kepada anak dalam kandungan hendaklah sah dalam hal keadaan yang berikut:</p> <p>(a) jika pewasiat membuat <i>iqrar</i> tentang kewujudan anak dalam kandungan semasa dia membuat wasiat itu, maka anak dalam kandungan itu mestilah dilahirkan hidup dalam tempoh yang diiktiraf menurut Hukum Syarak; dan</p> <p>(b) jika pewasiat tidak membuat apa-apa <i>iqrar</i> tentang kewujudan anak dalam kandungan dan anak itu dilahirkan hidup dalam tempoh yang diiktiraf menurut Hukum Syarak dari masa dia membuat wasiat itu, dan jika perempuan yang mengandungkan anak itu sedang dalam '<i>iddah talaq rajie</i>' atau dalam '<i>iddah mati</i>' atau <i>iddah bain</i>, maka anak dalam kandungan itu mestilah dilahirkan hidup dalam tempoh yang diiktiraf menurut Hukum Syarak.</p> <p>(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), wasiat boleh dibuat kepada anak dalam kandungan orang lain sekiranya anak dalam kandungan itu ialah anak yang sah menurut Hukum Syarak daripada keturunan orang itu.</p> <p>(3) Harta anak dalam kandungan itu hendaklah ditadbirkan oleh wali hartanya atau wasinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, sehingga dia dilahirkan dan selepas itu harta itu hendaklah diserahkan kepadanya apabila dia layak untuk menerimanya.</p> |
| Melaka (2005) | Bekues kepada anak dalam kandungan tertentu |

| | |
|-----------------|--|
| | <p>24. (1) Sesuatu wasiat kepada anak dalam kandungan adalah sah dalam hal keadaan yang berikut:</p> <p>(a) jika pewasiat membuat <i>iqrar</i> tentang kewujudan anak dalam kandungan semasa dia membuat wasiat itu, maka anak dalam kandungan itu mestilah dilahirkan hidup dalam tempoh yang diiktiraf menurut Hukum Syarak; dan</p> <p>(b) jika pewasiat tidak membuat apa-apa <i>iqrar</i> tentang kewujudan anak dalam kandungan dan anak itu dilahirkan hidup dalam tempoh yang diiktiraf menurut Hukum Syarak dari masa dia membuat wasiat itu, dan jika perempuan yang mengandungkan anak itu sedang dalam '<i>iddah talaq raji'</i> atau dalam '<i>iddah mati</i>' atau '<i>iddah bain</i>', maka anak dalam kandungan itu mestilah dilahirkan hidup dalam tempoh yang diiktiraf menurut Hukum Syarak.</p> <p>(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), wasiat boleh dibuat kepada anak dalam kandungan orang lain sekiranya anak dalam kandungan itu ialah anak yang sah menurut Hukum Syarak daripada keturunan orang itu.</p> <p>(3) Harta anak dalam kandungan itu hendaklah ditadbirkan oleh wali hartanya atau wasinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, sehingga dia dilahirkan dan selepas itu harta itu hendaklah diserahkan kepadanya apabila dia layak untuk menerimanya.</p> |
| Kelantan (2009) | <p>Wasiat kepada anak dalam kandungan</p> <p>24. (1) Sesuatu wasiat kepada anak dalam kandungan adalah sah dalam keadaan-keadaan yang berikut –</p> <p>(a) jika seseorang pewasiat membuat <i>iqrar</i> wujudnya anak dalam kandungan semasa dia membuat wasiat itu, maka anak dalam kandungan itu mestilah dilahirkan dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak; dan</p> <p>(b) jika seseorang pewasiat tidak membuat apa-apa <i>iqrar</i> wujudnya anak dalam kandungan dan anak itu dilahirkan hidup dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak dari masa dia membuat wasiat itu dan jika seseorang perempuan yang mengandungkan anak tersebut sedang dalam <i>iddah talaq rajie</i> atau dalam <i>iddah mati</i> atau <i>iddah bain</i>, maka anak dalam kandungan itu mestilah dilahirkan hidup dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak.</p> <p>(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), wasiat boleh dibuat kepada anak dalam kandungan orang lain sekiranya anak dalam kandungan itu adalah anak yang sah menurut Hukum Syarak dari keturunan orang tertentu itu.</p> <p>(3) Harta anak yang belum lahir itu hendaklah disimpan oleh wali harta atau wasinya, mengikut mana yang berkenaan, sehingga dilahirkan dan selepas itu harta tersebut hendaklah diserahkan kepadanya apabila dia berkelayakan untuk menerimanya.</p> |
| Pahang (2017) | Wasiat kepada anak belum lahir |

| | |
|--------------|---|
| | <p>27. (1) Sesuatu wasiat yang dibuat kepada anak belum lahir adalah sah—</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) jika <i>musi</i> membuat <i>iqrar</i> bahawa wujudnya anak belum lahir ketika wasiat itu dibuat dan anak itu dilahirkan hidup dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak; atau (b) jika <i>musi</i> tidak membuat <i>iqrar</i> wujudnya anak belum lahir, maka anak yang dilahirkan hidup semasa ibu kanak-kanak itu masih dalam perkahwinan atau dalam ‘<i>iddah talaq raj'i</i> atau ‘<i>iddah</i> apabila kematian suaminya atau ‘<i>iddah bain</i> dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak dari masa wasiat itu dibuat. <p>(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), wasiat boleh dibuat kepada anak yang belum lahir milik orang lain dengan syarat anak belum lahir itu adalah anak yang sah menurut Hukum Syarak.</p> <p>(3) Bahagian harta yang diwasiatkan milik anak belum lahir hendaklah ditadbir oleh penjaga atau wasinya sehingga dia dilahirkan hidup dan hendaklah diberikan kepadanya apabila dia mempunyai kelayakan untuk menerimanya.</p> |
| Sabah (2018) | <p>Wasiat kepada anak dalam kandungan</p> <p>24. (1) Sesuatu wasiat kepada anak dalam kandungan adalah sah dalam keadaan-keadaan yang berikut-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) jika pewasiat membuat <i>iqrar</i> tentang kewujudan anak dalam kandungan semasa dia membuat wasiat itu, maka anak dalam kandungan itu mestilah dilahirkan hidup dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak; atau (b) jika pewasiat tidak membuat apa-apa <i>iqrar</i> tentang kewujudan anak dalam kandungan dan anak itu dilahirkan hidup dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak dari masa dia membuat wasiat itu dan jika seseorang perempuan yang mengandungkan anak tersebut sedang dalam <i>iddah talak raj'i</i> atau dalam <i>iddah</i> mati atau <i>iddah bain</i>, maka anak dalam kandungan itu mestilah dilahirkan hidup dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak. <p>(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), wasiat boleh dibuat kepada anak kandungan orang lain sekiranya anak dalam kandungan itu adalah daripada keturunan orang tertentu itu yang sah menurut Hukum Syarak.</p> <p>(3) Harta anak yang belum lahir itu hendaklah ditadbir oleh wali harta atau wasinya, mengikut mana yang berkenaan, sehingga dia dilahirkan dan selepas itu harta itu hendaklah diserahkan kepadanya apabila dia berkelayakan untuk menerimanya.</p> |
| Perak 2023 | <p>Wasiat kepada anak dalam kandungan 28.</p> <p>(1) Sesuatu wasiat yang dibuat kepada anak dalam kandungan adalah sah jika—</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) pewasiat membuat <i>iqrar</i> wujudnya anak dalam kandungan dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak ketika wasiat itu dibuat; atau (b) pewasiat tidak membuat <i>iqrar</i> wujudnya anak dalam kandungan dan anak itu dilahirkan hidup semasa ibu kanak-kanak itu masih dalam perkahwinan atau dalam |

| | |
|--|--|
| | <p>‘iddah talaq raj’i atau ‘iddah apabila kematian suaminya atau ‘iddah bain selepas tempoh yang sah menurut Hukum Syarak bermula dari masa wasiat itu dibuat.</p> <p>(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), wasiat boleh dibuat kepada anak dalam kandungan orang lain dengan syarat anak dalam kandungan itu wujud ketika wasiat dibuat.¹</p> |
|--|--|

Data yang telah dikemukakan di atas menjadi asas kepada perbincangan lanjut berkaitan isu ini. Jadual ini memperlihatkan dengan jelas bahawa satu enakmen yang membenarkan pemberian wasiat kepada anak tidak sah taraf (ATST) iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam (Perak) 2023 dan enam enekmen selebihnya menghalang pemberian tersebut. Maklumat lanjut bagi membincangkan isu ini dihimpunkan dari sumber kepustakaan. Pandangan para ulama dalam tradisi dan literatur Islam dibincangkan secara deskriptif, normatif dan komparatif. Perbincangan secara komparatif amat penting bagi memastikan natijah dan dapatan yang jitu.

Dapatan dan Perbincangan

Bagi menjelaskan hukum wasiat kepada ATST, beberapa perkara berikut yang dibincangkan dalam hukum fiqah perlu dibahaskan. Perbincangan berikut ini akan memberikan tumpuan kepada dua perkara iaitu syarat penerima wasiat dan kedudukan ATST dari sudut penerimaan wasiat dari bapa dan ibunya.

Syarat Penerima Wasiat

Para ulama telah merumuskan syarat-syarat bagi penerima wasiat. Kedapatan beberapa persamaan dan perbezaan dalam kalangan ulama dari pelbagai mazhab bagi menetapkan syarat bagi penerima wasiat. Dalam mazhab

Shafi’i, al-Bajuri (t.t.) merumuskan syarat penerima wasiat (*musa lahu*) dibahagikan kepada dua, iaitu (1) penerima wasiat tertentu (*mu’ayyan*) dan (2) penerima wasiat umum. Penerima wasiat tertentu (*mu’ayyan*) perlu memenuhi kriteria iaitu (1) boleh memiliki (*mutamallik*) sama ada kanak-kanak, dewasa, waras dan gila. (Contoh tidak memiliki: mayat, binatang, hamba), (2) wujud ketika wasiat diakadkan (janin beranak kurang dari 6 bulan), (3) tidak berbentuk maksiat (Contoh: wasiat pemilikan hamba muslim kepada penerima wasiat merupakan kafir), (4) Tidak mubham (Contoh: salah satu dari dua orang ini) (Al-Bajuri, t.t.) dan (5) bukan pembunuh kepada pewasiat (*khilaf* dalam Shafi’iyah) (Al-Saqqaf, 2024). Al-Bugha et al. (t.t.) dan al-Bajuri (t.t.) menyatakan bahawa kriteria penerima wasiat secara umum ialah ia tidak berbentuk maksiat.

Al-Ghazali (t.t.) dalam kalangan Shafi’iyah menetapkan perbahasan tentang penerima wasiat (*musa lahu*) dari beberapa sudut iaitu (1) hamba (2) binatang (3) *harbi* (4) pembunuh (5) kandungan dan (6) waris. Selain dari enam perkara ini, tidak dibincangkan berkaitan penerima wasiat. Justeru itu dirumuskan bahawa Imam al-Ghazali tidak meletakkan halangan kepada penerima wasiat melihat kepada statusnya sebagai anak luar nikah. Al-Rafi’i (t.t.) membahaskan tentang keharusan mewasiatkan kepada janin dalam kandungan dengan dua syarat iaitu (1) diketahui

¹ Enakmen ini telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 8 Disember 2023 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan pada 21 Disember 2023 disiarkan untuk pengetahuan umum.

wujudnya ketika wasiat dan (2) ia lahir dalam keadaan hidup. Al-Rafi'i tidak menyentuh sama sekali berkaitan dengan status anak sama ada anak yang sah atau anak zina.

Al-Kasani (t.t.) dalam kalangan mazhab Hanafi menyatakan syarat penerima wasiat iaitu (1) wujud, (2) hidup ketika matinya pewasiat, (3) bukan penerima pusaka ketika matinya pewasiat, (4) bukan pembunuh pewasiat secara haram dan sengaja, (5) bukan kafir *harbi*, (6) bukan hamba kepada pewasiat dan (7) bukan *majhul* yang tidak boleh dihilangkan. Al-Rashidi (t.t.) dalam kalangan mazhab Maliki menyatakan syarat penerima wasiat iaitu (1) boleh memiliki, (2) wujud atau wujud dinantikan, (3) bukan waris (penerima pusaka), (4) tidak mati sebelum pewasiat dan (5) *qabul* oleh penerima wasiat. Al-Hajjawi (t.t.) dalam kalangan mazhab Hanbali menyatakan syarat penerima wasiat iaitu (1) boleh memiliki, (2) bukan pembunuh pewasiat dan (3) bukan berbentuk maksiat.

Dapat dirumuskan bahawa secara sepakat 4 mazhab fiqh muktabar tidak meletakkan syarat anak dalam kandungan itu adalah anak yang sah menurut hukum syarak bagi membolehkan seseorang menerima wasiat daripada pewasiat (Wizarah Awqaf al-Kuwaitiyah, t.t.).

Hak Pewarisan ATST dari Bapa atau Ibu

Isu ini adalah amat perlu dibahaskan dalam konteks meneliti hukum wasiat kepada ATST. Ini adalah kerana jika ATST boleh menerima pewarisan harta maka ia menjadi penghalang daripada menerima wasiat. Namun jika sebaliknya, maka ATST sewajarnya boleh menerima wasiat.

Secara sepakat para ulama menyatakan bahawa ATST tidak mewarisi dari bapa

biologinya. Al-Zuhayli (t.t.) menyatakan: Secara sepakat dalam mazhab empat bahawa anak tidak sah taraf tidak mewarisi dari bapanya dan mewarisi dari ibunya. Ini berasaskan kepada beberapa nas:

Tiada wasiat bagi waris
Al-Bukhari, j. 4, h. 4.

Mana-mana lelaki berzina dengan perempuan merdeka atau hamba, maka anaknya adalah anak zina, tidak mewarisi dan tidak mewariskan

Al-Tirmidhi, j. 4, h. 428.

Antara fatwa yang menetapkan pewarisan dari pihak ibu bagi ATST adalah Dar al-Ifta' al-Misriyyah (Qara'ah, t.t.) dan al-Lajnah al-Da'imah li al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta' (Baz, 1421).

Dapat dirumuskan bahawa ATST tidak mewarisi dari bapanya dan mewarisi dari ibunya. Justeru itu, apabila ATST tidak boleh mewarisi dari bapanya maka sewajarnya ATST boleh menerima wasiat dari bapanya dan dari sesiapa yang tidak boleh diwarisi. Begitu juga ATST tidak boleh menerima wasiat dari ibunya dan juga yang berkait dengan ibunya (Al-Zuhayli, t.t.)

Berdasarkan perbahasan yang telah dikemukakan, pandangan yang dipilih ialah wasiat boleh dibuat kepada anak yang berstatus ATST dengan syarat anak dalam kandungan itu adalah anak yang memenuhi syarat penerima wasiat. Ini adalah berasaskan kepada lima pertimbangan utama. Pertama, ATST memenuhi semua syarat sebagai penerima wasiat berdasarkan pelbagai mazhab muktabar. Kedua, ATST tidak boleh menerima pusaka dari bapa biologinya. Maka sewajarnya ATST boleh menerima wasiat dari bapa biologinya. Begitu juga ATST

boleh menerima wasiat dari selain ibunya. Justeru itu, ATST termasuk di bawah *mafhum mukhalafah* bagi hadis Nabi SAW:

Tiada wasiat bagi waris
Al-Bukhari, j. 4, h. 4.

Ibn Hajar (t.t.) menjelaskan bahawa perwarisan dan wasiat tidak boleh dihimpunkan bersekali. Justeru itu, bila mana seseorang tidak boleh menerima pusaka sewajarnya dia boleh menerima wasiat.

Ketiga, secara jelas Nabi s.a.w. menyatakan hikmah dari pensyariatan wasiat dalam Hadis baginda:

Sesungguhnya Allah Taala membenarkan bagi kamu semua sepertiga dari harta kamu semua pada penghujung usia bagi menambah kebaikan kamu semua.
Ibn Majah, j. 4, h. 14, *Sunan al-Dar Qutni*, j. 5, h. 263.

Justeru itu, adalah wajar diberikan ruang kepada bapa biologi kepada ATST atau sesiapa sahaja yang layak untuk membuat kebaikan kepada ATST. Pensyariatan wasiat ini akan membolehkan bapa biologinya dan mana-mana anggota masyarakat menebus kesalahan atau berbuat kebaikan (*hasanat*) dengan menetapkan wasiat yang sewajarnya. Justeru itu, mengharuskan wasiat kepada ATST adalah selaras dengan *maqasid syariah* dalam pensyariatan wasiat.

Keempat, tanggungjawab yang cukup penting bagi memastikan aspek psikologi kanak-kanak tersebut terpelihara. Ia merupakan tanggungjawab semua pihak bagi memastikan keperluan ini tercapai (Mohd Jais, 2024). Peletakan hukum yang sebenar dan sesuai akan dapat menampung penolakan sebahagian kumpulan khususnya golongan

modernisme terhadap hukum keagamaan dalam mengangkat nilai-nilai kekeluargaan yang luhur (Ibrahim, 2024).

Kelima, kesalahan yang telah dilakukan oleh seorang bapa biologi atau sesiapa sahaja, tidak wajar ditanggung oleh ATST. Dengan erti kata lain, kesalahan zina oleh bapa biologi atau sesiapa sahaja tidak sewajarnya menjadi penghalang kepada ATST dari menerima wasiat. Salah satu piawaian Maqasid Syariah dalam perundangan ialah menitik beratkan soal nilai keadilan dalam ijтиhad dan fatwa agar pihak-pihak yang terlibat merasai maslahah yang diperuntukkan dalam hukum syarak (Robbi, A. A. M., & Mahmud, M. W., 2020). Dalam isu ini, ia selaras dengan prinsip yang ditetapkan dalam Quran, 35:18:

Dan (ketahuilah), seseorang pemikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain

Kesimpulan

Sebagai rumusan, terdapat dua pandangan berkaitan keharusan wasiat kepada ATST yang dikemukakan dalam enakmen-enakmen wasiat di Malaysia iaitu yang membenarkan dan menghalang. Enakmen wasiat bagi negeri selain Perak menghalang penerimaan wasiat bagi ATST manakala Enakmen Wasiat Orang Islam (Perak) 2023 membenarkannya. Ketetapan yang dikemukakan dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Perak) 2023 dilihat paling tepat. Ia selaras dengan perbahasan fiqh tradisi berasaskan kepada kaedah usul al-fiqh dalam pelbagai mazhab yang tidak menjadikan halangan secara khusus kepada ATST untuk menerima wasiat. Namun begitu, ATST tertakluk kepada syarat-syarat lain yang sama sebagaimana penerima-penerima wasiat yang lain seperti tidak menerima pusaka dan lain-

lain. Sehubungan dengan itu penambahbaikan ke atas peruntukan dalam enakmen berkaitan dengan ATST amat perlu dilakukan bagi memastikan golongan ini mendapat hak mereka dalam menerima wasiat. Sejarah dengan prinsip keadilan yang menjadi asas kepada sesebuah enakmen, maka pihak berautoriti disarankan menyegerakan penambahbaikan kepada enakmen sedia ada. Pandangan para mufti dan pihak autoriti agama dari pelbagai negeri di Malaysia boleh digembeleng untuk mencapai pandangan yang sepakat berkaitan isu ini.

Penghargaan

Kajian ini didokong oleh Jabatan Mufti Negeri Perak dengan pembiayaan dari Majlis Agama Islam Perak.

Rujukan

Ab Rahman, N. H., dan Mohamad Noh, I. (2023). Pendaftaran anak tidak sah taraf: Antara hak asasi dan cabaran perundangan Islam di Malaysia. Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia, 35(2): 239–268.
<https://doi.org/10.37052/kanun> (*In Malay*).

Abdullah, M. M. I. (2021). Nikah khitbah: alternatif penyelesaian anak tak sah taraf. Journal of Fatwa Management and Research, 24(1), 1-16.
<https://jfatwa.usim.edu.my/index.php/jfatwa/article/view/295/260>

Abdullah, H. K. M., Ab Rahman, S., Khalid, R. M., & Abdullah, N. A. M. (2020). Perkembangan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam Malaysia. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080), 3(1), 42-53.

<https://bitarajournal.com/index.php/bitarajurnal/article/view/100/697>

Abu Bakar, M. S. (1987). Metodologi penyelidikan untuk ekonomi dan bidang-bidang berkaitan. Selangor: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia (*In Malay*).

Al-Bajuri. (n.d.). Hashiah al-bajuri. Jeddah: Dar al-Minhaj (*In Arabic*).

Al-Bugha, M. dan al-Khin, M. (n.d.). Al-fiqh al-manhaji ‘ala madhab al-Imam al-Shafi’i. T.T.P: Jami’ al-Kutub al-Islamiyyah (*In Arabic*).

Al-Bukhari. (n.d.). Sahih al-Bukhari. Al-Maktabah al-Shamilah (*In Arabic*).

Al-Dar Qutni. (n.d.). Sunan al-Dar Qutni. Al-Maktabah al-Shamilah (*In Arabic*).

Al-Ghazali. (n.d.). Al-wasit fi al-madhhab. Al-Maktabah al-Shamilah (*In Arabic*).

Al-Hajjawi. (n.d.). Al-iqna’. Al-Maktabah al-Shamilah (*In Arabic*).

Al-Kasani. (n.d.). Bada’i’ al-sana’i’. Al-Maktabah al-Shamilah (*In Arabic*).

Al-Nawawi. (n.d.). Minhaj al-talibin wa ‘umdat al-muftin fi al-fiqh. Al-Maktabah al-Shamilah (*In Arabic*).

Al-Rafi’i. (n.d.). Al-sharh al-kabir. Al-Maktabah al-Shamilah (*In Arabic*).

Al-Rashidi. (n.d.). Ashal al-madarik syarh irshad al-salik fi madhab Imam al-Aimmah Malik. Al-Maktabah al-Shamilah (*In Arabic*).

Al-Saqqaf. (2024). Kitab al-wasaya.
<https://dorar.net/feqhia/> (*In Arabic*).

- Al-Tirmidhi. (n.d.). Sunan al-Tirmidhi. Al-Maktabah al-Shamilah (*In Arabic*).
- Al-Zuhayli. (n.d.) Al-fiqh al-Islami wa adillatuh. Dimasyq: Dar al-Fikr (*In Arabic*).
- Babbie, Earl. (1998). The basic of social research. U.S.A.: Wadsworth Publishing Company.
- Baz, Abdullah (1421). Al-lajnah al-da'imah li al-buhuth al-'ilmiyyah wa al-ifta'. Dar al-Muayyad (*In Arabic*).
- D. Bailey, K. (1994). Methods of social research. New York: A Division of Macmillan Inc.
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005.
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018.
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999.
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004.
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Pahang) 2017.
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Perak) 2023.
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Kelantan) 2009.
- Embi, M. S. C., & Ismail, N. S. A. (2017). Anak Tak Sah Taraf: Implikasi Dan Resolusi Melalui Dasar Awam Kajian Kes Di Negeri Pulau Pinang. Human Sustainability Procedia.
<https://penerbit.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/1145/402>
- Hassan, Z., Mohd Subri, I., & Abdul Mutualib, L. (2020). Kedudukan anak tak sah taraf menurut perspektif undang-undang. https://www.researchgate.net/publication/349552704_KEDUDUKAN_ANAK_TAK_SAHLARAF_MENURUT_PERSPEKTIF_UNDANG-UNDANG (*In Malay*).
- Ibn 'Abidin (n.d.). Hashiah radd al-muhtar 'ala durr al-mukhtar. Al-Maktabah al-Shamilah (*In Arabic*).
- Ibn Hajar. (n.d.). Fath al-bari. Al-Maktabah al-Shamilah (*In Arabic*).
- Ibn Majah (n.d.). Sunan Ibn Majah. Al-Maktabah al-Shamilah (*In Arabic*).
- Ibrahim, A. M. A. M. (2024). The perceptions of modernity-related thought of Islamic family legislation: A comparative analytical study. Global Journal Al-Thaqafah, 14(1): 157–175.
<https://doi.org/10.7187/GJAT072024-10>
- Ismail, P. (2017). Anak tak sah taraf dari perspektif syariah dan perundangan islam di Malaysia. Jurnal Fiqh, 10, 77–90.
<https://doi.org/10.22452/fiqh.vol10no1.4>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2022). Menteri KPWKM: Malaysia rekod 28 kehamilan bawah umur setiap hari, 35% daripada kehamilan luar nikah.
<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/articles&id=YIILTWC4UXpZOGLxNHQvdWJQdVFZQT09> (*In Malay*).
- Muslim (n.d.). Sahih Muslim. Al-Maktabah al-Shamilah (*In Arabic*).
- Qara'ah, A. R. (n.d.). Fatawa Dar al-Ifta' al-Misriyyah. Jami' al-Kutub al-Islamiyyah.
<https://ketabonline.com/ar/books/77/read?pa>

rt=2&page=736&index=4618635/4618645
(In Arabic).

Mohd Jais, S., Mohaiyuddin, N., Bistamam, M. N., Mohamed Arip, M. A. S. dan Othman, M. K. (2024). Adolescent mental health interventions: A review of psychological and an Islamic approach. *Global Journal Al-Thaqafah*, 14(1): 50–61.
[https://doi.org/10.7187/GJAT072024-4.](https://doi.org/10.7187/GJAT072024-4)

Noor, Z. (2018). Status dan hak anak tak sah islam dalam undang-undang di Malaysia. *Sains Humanika*, 10(3-4).
[https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-4.1539.](https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-4.1539)

Robbi, A. A. M., & Mahmud, M. W. (2020). Maqāṣid al-‘adl (keadilan) dalam isu tuntutan harta sepencarian di Malaysia. *Journal of Islam in Asia* (E-ISSN 2289-8077), 17(3), 291-320.
<https://journals.iium.edu.my/jiasia/index.php/jia/article/view/986/458>

Surachmad, W. (1970). Pengantar metodologi ilmiah. C. 5. Bandong: CV Tarsito (In Malay).

Valaitham, S., Abdullah, R., Mansor, N. H., & Fitriani, W. (2024). Penglibatan komuniti dalam program pemulihan remaja hamil luar nikah di rumah perlindungan terpilih. *Jurnal Syariah*, 32(1), 100-128.
<https://malindojournal.um.edu.my/index.php/JJS/article/view/50082/17305>

Wan Ismail, W. A. F., Abdul Shukor, S., Abdul Mutalib, L., Baharuddin, A. S. ., Mamat, Z., dan Nik Salleh, N. S. S. (2020). Faktor dan penyelesaian isu anak tak sah taraf dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. *INSLA E-Proceedings*, 3(1): 136-146.
<https://insla.usim.edu.my/index.php/eproceeding/article/view/27> (In Malay).

Wizarah Awqaf al-Kuwaitiyyah (n.d.). Mawsu’ah al-fiqhiyyah al-kuwaitiyyah. Al-Maktabah al-Shamilah (In Arabic).

Zainuddin, Z. R. (2023). Kelahiran anak luar nikah membimbangkan.
<https://www.sinarharian.com.my/article/272094/berita/nasional/kelahiran-anak-luar-nikah-membimbangkan> (In Malay).